

08/02/1997

Balak: Jabatan Peguam Negara diminta perjelas

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jabatan Peguam Negara diminta menjelaskan kekaburan berhubung kuasa mengeksport dan mengimport balak kepada jawatankuasa siasatan terhadap dakwaan penyeludupan balak di Pulau Sebatik, Tawau, 18 Januari lalu.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata penjelasan itu penting bagi membantu siasatan terhadap kes itu, khususnya bagi menentukan `siapa yang bertanggungjawab membuat apa' dalam kes ini.

Beliau juga sudah memberitahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kemungkinan wujud kekaburan mengenai kuasa berhubung soal eksport balak.

"Saya sudah meminta Jabatan Peguam Negara supaya menjelaskan kedudukan mengenai hak mengesport balak.

"Kita ada perjanjian Malaysia, kita ada perlembagaan dan amalan. Sekarang, saya sudah serahkan semua amalan eksport balak kepada Jabatan Perhutanan di Sabah.

"Sekarang saya tanya, adakah perkara itu bertentangan dengan undang-undang? kerana fungsi Kerajaan Persekutuan untuk eksport dan import boleh diwakilkan kepada pihak berkuasa negeri.

"Ini dalam perlembagaan. Perjanjian Malaysia pula menyebut eksport balak adalah fungsi Kerajaan Sabah dan Sarawak. Jadi siapa yang benar? Sebab itu kekaburan ini mesti dijelaskan," katanya kepada pemberita di rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran Parti Gerakan di sini, hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan kerajaan negeri menubuhkan jawatankuasa siasatan.

Beliau juga mengarahkan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Shahbuddin Imam Mohamad, menyelaraskan siasatan di peringkat pusat.

Bagaimanapun, beliau akhirnya meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjalankan siasatan itu yang membabitkan kontroversi penyeludupan 3,049 batang balak bernilai RM7 juta dari Sabah.

(END)